

Buletin

ACIS

Rabi'ulakhir - Jamadilawal 1444/ November 2022

FADHILAT BERSEDEKAH SECARA RAHSIA

Kesan Melupakan Semangat
Nasionalisme dalam Kalangan
Rakyat Malaysia⁵

Adat Perayaan dalam Masyarakat
Melayu di Malaysia⁶

Kolaborasi ACIS dan UMHRC
memperkasakan PDPH UiTM
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Kuala Pilah 8

eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Siti Aishah binti Sokhibul Fadil
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi

Sidang Pengarang:

Dr. Mohd. Kamel bin Mat Salleh
Nurul Atikah Binti Poniran
Dr. Mohamad Hasif Jaafar & Athira Ayuni Asmadi
Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil, Suhaila
Binti Sharil & Nurul Atikah Binti Poniran

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan artikel
akademik atau apa-apa hasil karya?

Hantarkan ke
bulletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS siri ke-49** pada bulan **November 2022** yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini bertemakan "**Fadhilat Bersedekah Secara Rahsia**". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

Fadhilat Bersedekah Secara Rahsia 3

Kesan Melupakan Semangat Nasionalisme dalam Kalangan Rakyat Malaysia 5

Adat Perayaan dalam Masyarakat Melayu di Malaysia 6

Kolaborasi ACIS dan UMHRC memperkasakan PDPH UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah 8

eISSN 2600-8289



HAKCIPTA

TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Fad hilat Bersedekah Secara Rahsia



Oleh:

Dr. Mohd. Kamel bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Seremban



Sedekah ialah suatu pemberian yang diberikan oleh seorang Muslim kepada orang lain secara spontan dan sukarela tanpa dibatasi oleh waktu dan jumlah tertentu iaitu pemberian yang diberikan oleh seseorang sebagai kebajikan yang mengharap keredhaan Allah SWT dan pahala semata. Hukumnya adalah sunat dan amat digalakkan perlaksanaannya terutama bagi membantu mereka yang sangat memerlukan.

Manakala menurut para fuqaha' sedekah diertikan dengan zakat harta yang dikeluarkan kepada golongan fakir miskin dan sebagainya yang termasuk dalam golongan-golongan yang layak menerima menurut asnaf yang telah ditetapkan. Sedekah dalam erti kata ini hukumnya adalah wajib.

Dalam Al-Quran banyak sekali ayat yang menganjurkan kaum muslimin untuk sentiasa memberikan sedekah. Firman Allah S.W.T yang bermaksud "*Kamu tidak sekali-kali akan mendapat hakikat kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu mendermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi*" (Ali Imran: 92). Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud "*Jika kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang-terangan), maka yang demikian itu adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik), dan kalau kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu, serta kamu berikan kepada fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu. Allah akan menghapuskan sebahagian daripada kesalahan-kesalahan kamu dan (ingatlah), Allah itu Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan*" (Surah al-Baqarah: 271).

Bersedekah adalah amalan yang mendatangkan pahala terutama kepada mereka yang ikhlas melakukannya tanpa mengharap balasan atau pujian manusia sekeliling. Ini dibuktikan melalui firmanNya yang bermaksud "*Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan daripada orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah, atau berbuat makruf, atau mendamaikan di antara manusia. Barangsiapa yang berbuat demikian karena mencari keredhaan Allah, maka kelak Kami akan memberikan kepadanya pahala yang besar.*" (al-Nisa': 114).

Mereka yang bersedekah sentiasa mendapat pujian makhluk di langit lantaran kemuliaan amalan tersebut. Rasulullah S.A.W bersabda, maksudnya "*Tiada satu hari pun di mana pagi harinya seorang hamba ada padanya kecuali dua malaikat turun kepadanya, satu antara kedua-duanya*

berkata: 'Ya Allah, berikanlah ganti bagi orang yang berinfak (bersedekah membelanjakan hartanya), dan berkatalah satu lagi malaikat: wahai Tuhanmu, berilah kerosakan harta kepada yang tidak mahu menafkahkannya'" (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Orang yang meninggalkan harta di dunia dalam bentuk wakaf akan menjadi pahala yang berpanjangan walaupun selepas kematian. Ini adalah berdasarkan kepada hadith Rasulullah S.A.W. daripada Abu Hurairah yang bermaksud "*Apabila mati seseorang insan, maka akan terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan daripadanya dan doa daripada anaknya yang soleh*"

sedekah dalam hadith ini membawa maksud wakaf.

Menurut hadith di atas, Nabi S.A.W. menyatakan bahawa walaupun seseorang itu telah meninggal dunia, masih ada peluang untuknya membuat pahala berpanjangan dan berterusan di alam barzakh iaitu melalui amalannya sewaktu di dunia salah satunya ialah melalui sedekah jariah.

Maknanya, pahala akan tetap bertambah dan bersambung-sambung walaupun ketika itu seseorang berada di alam kubur dan tidak mampu beramal lagi. Ia ibarat seperti air sungai yang mengalir dari gunung tetap bertali arus tanpa henti.

Maka apabila seseorang itu bersedekah dengan ikhlas sewaktu masih hidup, pahala tersebut akan terus diperolehi walaupun setelah meninggal dunia. Contohnya seperti bersedekah atau mengeluarkan wang untuk pembinaan masjid, surau, madrasah, membina parit, telaga atau tali air untuk kegunaan orang ramai, menanam pokok buah-buahan lalu disedekahkan kepada makhluk Allah yang lain seperti manusia maupun haiwan.

Termasuk juga dalam amalan sedekah ialah mewakafkan mashaf al-Quran atau surah Yasin di surau atau masjid untuk kegunaan orang ramai. Jika semua amalan tersebut diniatkan sedekah maka ia dinilai sebagai amalan jariah yang amat bernilai dan berharga yang boleh menjadi penyambung pahalanya di alam barzakh.

Amalan bersedekah dan berwakaf ini adalah merupakan satu keajaiban. Maksud ajaib di sini ialah mengeluarkan

sesuatu belanja, secara fizikal nampak berkurangan, tetapi secara tersirat dan maknawi, ia adalah merupakan satu pertambahan dalam bentuk pahala, pulangan dan keberkatannya.

Dalam ilmu matematik, sekiranya dibuat satu soalan, sebagai contohnya 10 – 2 jawapannya ialah 8, tetapi dari sudut sedekah, jawapannya tidak akan menjadi 8. Boleh jadi jawapannya 18, 100, 1000 malah mungkin 1 juta. Inilah yang unik dan ajaibnya sedekah yang tidak akan dapat diterima akal melainkan apabila disertakan keyakinan bahawa itulah hakikat yang sebenar.

Perhatikan bersama ayat al-Quran di bawah agar menjadi inspirasi kepada semua umat Islam untuk terus membelanjakan harta di jalan yang sangat mulia dengan amalan bersedekah, kerana tiada apa yang dikurangkan oleh Allah, malah lebih ditambah-tambah dalam bentuk yang di luar jangkauan pemikiran manusia.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud *"Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba, dan la pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran dan selalu membuat dosa"* (al-Baqarah: 276).



Berdasarkan kepada beberapa kelebihan dan ganjaran sedekah seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, bersandarkan dalil al-Quran dan al-Hadith, ternyata bahawa lebih banyak sedekah itu dikeluarkan maka lebih banyak pahalanya. Justeru apabila amalan bersedekah ini menjadi satu rutin biasa dan kerap kali dilakukan tanpa dikira atau dicatat, maka sudah pasti segala apa yang pernah disumbangkan itu tidak begitu diingati oleh si pemberi sedekah.

Begini juga sedekah yang diberikan itu dibuat secara sembunyi tanpa pengetahuan orang lain sehingga ia sendiri tidak mengingati apa, di mana dan berapa banyak yang telah disedekahkan. Biasanya perbuatan yang diuar-uarkan

kepada orang ramai atau dibuat secara terang-terangan adalah lebih senang diingati berbanding yang dilakukan secara rahsia, lama kelamaan pasti akan terlupakan daripada ingatan. Ia lebih dekat dengan ikhlas yang pastinya adalah jiwa kepada setiap amal perbuatan seseorang hamba.

Inilah maksud sedekah yang diberikan oleh tangan kanan, tidak diketahui oleh tangan kiri. Dalam ayat al-Quran surah al-Baqarah ayat 271 seperti yang pernah dinyatakan sebelum ini menjelaskan tentang kemuliaan sifat berahsia dalam bersedekah.

Bersedekah secara terang-terangan itu tidaklah secara mutlaknya dilarang kerana dalam beberapa keadaan beramal secara nampak itu ada kalanya baik dan terpuji. Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya' Ulumuddin* ada menjelaskan kebaikan kedua-dua bentuk pemberian ini.

Antara kebaikan bersedekah secara tersembunyi tanpa pengetahuan orang lain ialah:

1. Dapat menyelamatkan hati dan lisan orang daripada memperkatakan tentang pemberian orang yang bersedekah itu. Apabila orang lain tidak mengetahui pemberian dari si pemberi, tiadalah berlakunya umpanan, hasad dengki, buruk sangka dan sebagainya. Jika perbuatan itu dalam penglihatan dan pengetahuan orang, kemungkinan berlaku cakap-cakap daripada orang yang melihat yang bukan sahaja memuji malah ada juga yang mengeji. Mungkin ada yang mempersoalkan, dari mana sumber sedekah itu, apa tujuan ia diberi, adakah untuk menunjuk-nunjuk atau berlagak baik dan sebagainya. Seperti ungkapan seorang ahli tasawuf Abu Ayub al-Sakhatyani *"Sesungguhnya aku meninggalkan amalan memakai pakaian-pakaian baru kerana bimbangkan kata-kata hasad dengan daripada jiran-jiranku."*
2. Menzahirkan pemberian adalah satu celaan bagi seorang mukmin kerana ia tidak dapat menghalang perasaan bangga diri pemberi sedekah itu, sedangkan orang mukmin itu amat dilarang membangga diri dalam beramal.

Manakala antara kebaikan bersedekah secara terang-terangan adalah seperti berikut:

1. Ia sebagai tanda menzahirkan keikhlasan dan sifat baik pemberi sedekah itu.
2. Pemberian itu sewajarnya menjadi contoh kepada orang lain untuk turut sama melakukannya.
3. Sebagai lambang atau tanda mensyukuri segala nikmat pemberian Allah melalui pemberian kepada orang lain. Firman Allah S.W.T yang bermaksud *"Dan terhadap nikmat Tuhan-mu maka hendaklah kamu menyebut-nyebutnya (dengan bersyukur)"* (Surah al-Dhuha: 11).

Kesan Melupakan Semangat Nasionalisme dalam Kalangan Rakyat Malaysia



Oleh:


Nurul Atikah Binti Poniran

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Semangat nasionalisme yang ada pada warga Malaysia sememangnya mampu mempertahankan kedaulatan negara. Saban hari, semangat nasionalisme yang terdapat dalam diri masyarakat Malaysia semakin hilang tanpa mengira lapisan umur dek kerana kemewahan dan kesenangan hidup masyarakat Malaysia sekarang. Rakyat sekarang lebih mementingkan kekayaan hidup daripada menitikberatkan semangat cinta akan tanah air. Terdapat pelbagai kesan jika semangat nasionalisme dilupakan oleh Rakyat. Tapi apakah yang akan berlaku jika rakyat melupakan semangat ini?

Pertamanya, bangsa Malaysia akan dimalukan oleh pelbagai pihak. Pendekatan stereotaip ras yang menetapkan pelbagai sifat negatif kepada semua lapisan kaum di Malaysia terus kekal dan disebarluaskan ke peringkat antarabangsa. Bangsa Melayu dikatakan sebagai bangsa yang malas, suka berkhayal dan tidak boleh dipercayai, bangsa Cina dinisbahkan sebagai bangsa pencandu dan suka berjudi manakala bangsa India pula dikatakan sebagai bangsa yang lemah daya intelektual, pengotor dan kuat minum todi (Kahal & Rahim, 2017). Pendedahan yang bersifat stereotaip ini akan menyebabkan semua bangsa di Malaysia akan merasa malu dan hilang maruah diri untuk berhadapan dengan bangsa lain di dunia ini. Apa yang lebih buruk lagi, rakyat Malaysia akan beranggapan bahawa semua warisan silam bangsa mereka bersifat rendah dan ketinggalan zaman berbanding dengan warisan yang ditinggalkan oleh warisan tamadun Barat, yang juga dikenali sebagai pendekatan *euro-centric*.

Selain itu, kedaulatan negara akan terancam. Semangat nasionalisme yang terhasil di Tanah Melayu kerana kesan daripada semangat bersatu padu antara kaum telah berjaya menghalau panjajahan asing. Walau bagaimanapun, jika



semangat ini dilupakan oleh setiap individu mereka akan kurang peka dan prihatin terhadap maruah serta kedaulatan negara. Sedangkan, bagi menjamin kestabilan negara semangat nasionalisme yang tinggi hendaklah menjadi pegangan utama dalam mengekalkan keamanan negara iaitu dengan menanam sifat keberanian yang tinggi, rela berkorban demi negara serta pantang menyerah.

Sepertimana yang kita pasti, anasir-anasir jahat seperti musuh-musuh negara dan negara luar, boleh mengambil kesempatan dengan mudah sekiranya rakyat Malaysia tidak mempunyai perasaan cinta akan negara yang tinggi tambahan pula dengan kepesatan pembangunan di Malaysia amatlah menjadi satu tarikan yang menarik kepada mereka. Keadaan seperti ini boleh membantutkan perkembangan ekonomi negara akibat daripada kemakmuran negara yang tergugat. Malah pada peringkat yang lebih teruk lagi, ketiadaan semangat cinta akan negara yang mendalam boleh membawa kepada keadaan politik yang tidak stabil dan akhirnya boleh membuatkan pentadbiran negara kucar-kacir. Rakyat akan hilang rasa hormat dan kepercayaan terhadap pemimpin negara dan boleh membawa kepada demonstrasi jalanan berleluasa oleh rakyat.

Malahnya, kita sebagai rakyat yang berbilang kaum hendaklah sentiasa menghargai dan mencintai tanah air kita. Kita juga mestilah selalu mengambil berat tentang semangat nasionalisme yakni selalu mengikuti perkembangan semasa supaya kita tidak ketinggalan dalam hal ini. Semangat nasionalisme hendaklah dititikberatkan untuk generasi seterusnya supaya negara kita aman damai serta maju berbanding negara-negara yang lain.

Adat Perayaan dalam Masyarakat Melayu di Malaysia



Oleh:

Dr. Mohamad Hasif Jaafar

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah



Oleh:

Athira Ayuni Asmadi

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Pengenalan

Perayaan merupakan sesuatu sambutan yang diadakan untuk menyambut atau meraikan sesuatu perkara yang berlaku dan yang telah berlaku. Dalam erti kata lain, perayaan itu dilakukan bagi memperingati sesuatu perkara yang istimewa terhadap seseorang atau sesuatu kaum tersebut agar tidak dilupakan begitu sahaja. Terdapat banyak perayaan yang diadakan oleh masyarakat Melayu di Malaysia sebagai contoh Maulidur Rasul, Hari Raya Haji dan perayaan yang paling utama bagi masyarakat Melayu di Malaysia adalah Hari Raya Aidilfitri. Tarikh perayaan pula kebiasaannya menggunakan kaedah Rukyah dan Hisab. Kaedah ini adalah selaras dengan kehendak syarak dan mengikut kaedah ilmu falak dan astronomi yang telah dipersetujui oleh semua negeri di Malaysia. Kebanyakan hari kebesaran Islam juga telah digazetkan ke dalam hari peristiwa di Malaysia.



Maulidur Rasul

Maulidur Rasul merupakan perayaan yang disambut oleh masyarakat yang beragama Islam di Malaysia bagi memperingati hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Kebiasaannya Maulidur Rasul diadakan pada tarikh 12 Rabiulawal dalam tahun Islam atau dikenali sebagai takwim hijrah. Sebagai seorang Muslim, sambutan

ini diadakan bagi menunjukkan rasa cinta, kasih dan sayang terhadap Baginda SAW yang merupakan anugerah terindah bagi umat Islam kerana Baginda telah bertungkus lumus dalam mempertahankan martabat agama Islam sepanjang hayat Rasulullah di muka bumi ini. Usaha dan kerja keras yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW amatlah memberikan impak yang sangat besar kepada masyarakat Islam pada masa kini.

Bagi merayakan hari keputeraan Nabi Muhammad SAW ini, pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Islam bagi mendekatkan diri dengan Rasulullah SAW. Kaedah penganjuran pertandingan seperti tulisan khat, nyanyian nasyid dan hafazan al-Quran ini dilaksanakan antaranya bertujuan untuk menambahkan pengetahuan dalam tulisan khat yang digunakan di dalam Al-Quran. Tambahan pula, mempraktikkan cara berhibur sambil mendapat pahala dalam nyanyian nasyid kerana bait-bait lirik kebiasaannya menyebut dan memuji nama-nama Allah SWT. Pertandingan seperti ini akan menjadi lebih menarik dan mendapat sambutan apabila pemenang diberikan hadiah sebagai pembakar semangat kepada anak muda dalam mendekati diri dalam bidang yang berkaitan keagamaan.

Selain daripada itu, adat ataupun aktiviti yang wajib dilakukan semasa sambutan hari keputeraan Rasulullah SAW ialah berarak dalam satu kumpulan mengelilingi sesuatu kawasan sambil berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang menjadi keutamaan dalam masyarakat Islam di Malaysia. Kaedah meraikan sambutan ini dengan mengajak masyarakat Islam secara berkumpulan berjalan sambil membawa sepanduk bagi menyemarakkan lagi semangat dalam berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan bergerak mengelilingi sesuatu kawasan dan pulang ke tempat permulaan berarak. Selepas berarak, pihak penganjuran majlis perayaan tersebut akan mengadakan sedikit jamuan bagi sesiapa sahaja yang mengikuti aktiviti yang telah diadakan. Jamuan itu diadakan bagi menghargai dan merapatkan silaturahim antara masyarakat umat Islam yang datang ke majlis tersebut untuk meraikan perayaan Maulidur Rasul.

Hari Raya Aidilfitri

Perayaan yang diraikan oleh masyarakat Melayu di Malaysia ialah hari raya Aidilfitri yang akan disambut pada 1 Syawal. Sambutan hari raya Aidilfitri diraikan selepas sebulan umat Islam menunaikan ibadah puasa yang diwajibkan kepada mereka pada setiap bulan Ramadan. Manakala, bulan Syawal juga adalah hari kemenangan bagi umat Islam kerana telah berjaya menundukkan nafsu sepanjang bulan Ramadan dan membersihkan diri daripada dosa yang telah lalu sekaligus menjadi insan yang lebih bertakwa. Menyambut hari raya Aidilfitri banyak memberi kebaikan kepada umat Islam

antaranya berkumpulnya ahli keluarga dan sahabat handai bagi merapatkan silaturahim dan memohon kemaafan antara satu sama lain dan menjernihkan keadaan yang mana dulunya keruh. Dengan itu, hubungan antara sesama umat Islam akan menjadi lebih kuat dan kukuh.



Bersalam dan mendapat duit raya

Sambutan ini akan bermula pada malam terakhir bulan Ramadan di mana seluruh umat Islam akan berkumpul dan bertakbir di masjid, surau mahupun rumah selepas Maghrib hari terakhir bulan Ramadan. Pada pagi 1 Syawal pula dimulakan dengan mandi sunat hari raya Aidilfitri dan menjamu sedikit santapan pagi sebelum menunaikan solat sunat hari raya Aidilfitri. Kemudiannya, sambutan diteruskan dengan bersalam-salaman antara ahli keluarga dan adat memberi duit raya bagi yang berkemampuan sebagai tanda bersedekah, mengucapkan selamat dan mendoakan antara satu sama lain. Jamuan hidangan hari raya adalah perkara yang wajib dilakukan semasa hari raya Aidilfitri, makanan seperti ketupat, rendang, lemang dan nasi himpit adalah menu utama pada hari tersebut dan sudah menjadi satu kewajiban bagi setiap rumah mempunyai kuih raya untuk menyambut tetamu yang akan datang beraya ke rumah mereka.

Hari Raya Aidiladha

Hari raya Aidiladha atau nama lain bagi perayaan ini ialah hari raya korban dan hari raya haji disambut oleh masyarakat Islam pada 10, 11, 12, dan 13 bulan Zulhijjah. Dua nama lain bagi hari raya Aidiladha ini menunjukkan beberapa adat atau ibadah yang dilakukan semasa menyambut hari perayaan tersebut. Bagi yang berkemampuan, mereka akan menunaikan ibadah haji di Mekah dan Madinah. Ibadah Haji ini merupakan rukun Islam ke-5 yang dilakukan bagi umat Islam yang berkemampuan melakukan ibadah tersebut. Selain itu, ibadah korban pula dilakukan oleh rakyat Malaysia yang masih menyambut hari raya Aidiladha di Malaysia. Ibadah ini dilakukan secara beramai-ramai di sesuatu kawasan contohnya di kawasan masjid atau surau dan kawasan perumahan atau dewan.

Hari raya Aidiladha bermula dengan takbir selepas maghrib pada 9 Zulhijjah, kemudian diikuti dengan solat sunat Aidiladha pada pagi 10 Zulhijjah. Sambutan ini diteruskan dengan ibadah korban sama ada pada 10, 11, 12, atau 13 Zulhijjah. Semua hari ini dipanggil sebagai hari Tasyrik. Aidiladha adalah perayaan yang istimewa bagi umat Islam kerana ia adalah hari untuk umat Islam memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim AS dalam menunaikan perintah Allah SWT dan kesabaran anaknya Nabi Ismail AS dalam memenuhi perintah Allah SWT.



Selepas ibadah korban dijalankan, bahagian daging akan dibahagikan mengikut pembahagian yang telah ditetapkan iaitu 1/3 bahagian daging tersebut akan diberikan kepada pihak yang telah berkorban ataupun yang telah membayar bahagian-bahagian haiwan korban tersebut. Manakala, 1/3 bahagian lainnya akan disedekahkan kepada fakir dan miskin dan 1/3 seterusnya akan dihadiahkan kepada sahabat handai termasuklah jiran-jiran. Ibadah korban ini ialah sunat muakkad di mana ia dituntut oleh Allah SWT. Aktiviti yang dilakukan semasa perayaan hari raya Aidiladha ini amatlah memberi kesan yang baik terhadap masyarakat setempat kerana ia dapat merapatkan hubungan sesama umat Islam.

Kesimpulan

Perayaan merupakan aktiviti yang menjadi tunjang utama dalam merapatkan sesuatu hubungan silaturahim. Perkara ini amatlah penting bagi mengekalkan keamanan negara dan membentuk rakyat yang bersatu padu serta sayang menyayangi antara satu sama lain. Dengan itu, masyarakat di Malaysia akan hidup dalam keadaan yang lebih harmoni dan kondusif apabila mereka mempunyai hubungan yang baik antara satu sama lain. Selain itu, meraikan sesuatu sambutan atau perayaan juga dapat memperingati peristiwa-peristiwa yang telah berlaku ataupun yang baru berlaku.

Kolaborasi ACIS dan UMHRC memperkasakan Program Diploma Pengurusan Halal UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

Oleh:

Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

Suhaila Binti Sharil

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau

Nurul Atikah Binti Poniran

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

Gerak kerja kolaborasi antara Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan (ACIS UiTMCNS) dengan University of Malaya Halal Research Centre (UMHRC) bermula pada 27 April 2020 melalui perbincangan di peringkat jawatankuasa MoU/MoA ACISCNS dan turut diadakan mesyuarat bersama pihak UMHRC bagi memperoleh kata sepakat dan persetujuan antara kedua-dua belah pihak. Setelah beberapa siri mesyuarat diadakan, ACIS UiTM CNS telah menyatakan hasrat (*Letter of Intent*) kolaborasi secara rasminya melalui surat bertarikh 30 Mei 2020 kepada pihak UMHRC dan disambut baik hasrat tersebut oleh UMHRC melalui surat setuju terima kolaborasi bertarikh 1 Jun 2020.

Justifikasi permilihan UMHRC sebagai rakan kolaborasi ACISCNS adalah kerana UMHRC telah dilantik sebagai salah sebuah rakan strategik di bawah Malaysia International Halal Academy (MIHA), JAKIM. MIHA merupakan salah satu unit di bawah JAKIM yang melaksanakan program pembangunan kapasiti dari sudut latihan dan bimbingan halal sama ada di peringkat domestik dan antarabangsa. UMHRC yang dikenali sebagai pusat penyelidikan halal juga turut menawarkan perkhidmatan yang berkaitan konsultasi dan latihan halal, bengkel halal, kursus pendek dan latihan halal profesional. Maka ACIS berpandangan dengan adanya kolaborasi bersama UMHRC ini dapat memenuhi dan memperkasa program akademik ACIS khususnya Program Diploma Pengurusan Halal dengan pengurusan pelbagai kursus halal untuk manfaat bersama.

Tujuan kolaborasi LOI ini adalah memberi latihan kepada pelajar sebagai pengukuhan kod kursus Diploma Pengurusan Halal, menyediakan *Training of Trainers* (TOT) kepada staf akademik bagi meningkatkan kepakaran pensyarah serta memberi peluang penempatan latihan industri kepada pelajar Diploma Pengurusan Halal. Bagi memenuhi tujuan ini, pihak UMHRC berperanan menyediakan kursus halal dan menguruskan tenaga pengajar serta sijil penyertaan kepada peserta manakala pihak ACIS UiTMCNS pula menguruskan kelulusan program dan perlaksanaan kursus kepada pelajar dan staf akademik agar berjalan lancar dan baik.

Susulan itu, satu majlis perasmian telah diadakan pada 23 September 2020 bagi meraikan persetujuan yang telah dimeterai antara ACIS dan UMHRC serta simbolik pembuka pengurusan kursus halal kepada pelajar ACIS. Majlis ini telah dirasmikan oleh Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Prof. Dr Yamin Bin Yasin dan turut dihadiri oleh Dekan Kluster Penyelidikan *Sosial Advancement and Happiness UM*, Prof.Dr Ainin Binti Sulaiman, Pengarah UMHRC Dr Zalina Binti Zakaria dan staf UMRHC serta pengurusan tertinggi UiTM dan staf akademik ACISCNS.



Aspek keberkesanannya pengurusan kursus adalah sangat penting untuk dilihat bagi memastikan hasil latihan kursus memenuhi objektif yang ditetapkan. Berdasarkan aspek ini, sepanjang tempoh LOI yang bermula 1 Oktober 2020 hingga 31 September 2021, maklumbalas yang diterima daripada peserta terhadap pengurusan 11 kursus halal yang telah dijalankan adalah sangat positif dan memberangsangkan. Secara ringkasnya, dapatan laporan keberkesanannya kursus (kelulusan TAPA) menunjukkan majoriti peserta mengatakan kursus ini dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan bidang halal (93.3%), membantu mengaplikasikan ilmu dalam proses pembelajaran dan kehidupan sebagai pelajar (91.5%) dan memberi impak positif kepada pelajar (97.5%).





Atas kejayaan penganjuran kursus halal tersebut, maka ACIS dan UMHRC telah bersetuju meneruskan kolaborasi LOI untuk tahun kedua bermula 1 Oktober 2021 hingga 31 September 2022 dengan penganjuran 5 kursus halal kepada para pelajar dan staf akademik ACIS. Justeru berikut adalah maklumat kursus halal yang telah dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tempoh 2 tahun kolaborasi.



Sebagai penutup, kolaborasi antara ACIS dan UMHRC sangat bermanfaat kepada para pelajar bagi membantu meningkatkan kefahaman dan nilai tambah ilmu terhadap pengetahuan industri halal disamping meningkatkan kepakaran dalam kalangan staf akademik khususnya yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran bagi kod kursus halal. Moga kolaborasi sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang dengan diperluaskan lagi bentuk kolaborasi seperti kolaborasi penganjuran seminar, konferensi dan penyelidikan berkaitan industri halal.

